


1100042353

Perpustakaan
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)



LP 46 FST 4 2006

1100042353
Kajian terhadap kitaran pantai berdasarkan perubahan profil pantai dan arah pergerakan endapan pantai (NSD) di sepanjang pantai Seberang Takir ke Pantai Kustem / Siti noor Aini Alias.

PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100042353

1100042353		

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

**KAJIAN TERHADAP KITARAN PANTAI BERDASARKAN PERUBAHAN
PROFIL PANTAI DAN ARAH PERGERAKAN ENDAPAN PANTAI (NSD)
DI SEPANJANG PANTAI SEBERANG TAKIR KE PANTAI KUSTEM.**

OLEH:

**SITI NOOR AINI BINTI ALIAS
NO. MATRIK : UK8647**

**Laporan Penyelidikan ini diserahkan untuk memenuhi sebahagian keperluan bagi
Ijazah Sarjana Muda Sains (Sains Samudera)**

**Jabatan Sains Samudera
Fakulti Sains dan Teknologi**

**KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
2006**

1100042353

Laporan projek ini hendaklah dirujuk sebagai:

Siti Noor Aini, A. 2006. Kajian Terhadap Kitaran Pantai Berdasarkan Perubahan Profil Pantai Dan Arah Pergerakan Endapan Pantai (NSD) Di Sepanjang Pantai Seberang Takir Ke Pantai KUSTEM, Terengganu. Laporan Projek, Sarjana Muda Sains (Sains Samudera), Fakulti Sains dan Teknologi, Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia, 95 p.

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulangan mana-mana bahagian dan kandungan laporan ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara pun sama ada dalam bentuk elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau sebarang cara lain sebelum mendapat izin secara bertulis daripada penulis atau penyelia utama penulis tersebut.

Khas buat.....,

Ummi dan abah serta keluarga yang tercinta,

Tanpa jasa mu tiada anakmu di sini,

Terutama

Teman-teman seperjuangan yang istimewa

Ziana, Che, Maznah dan teman sekuliah,

Terima kasih di atas segalanya.....

Sesungguhnya ia tetap kekal abadi dalam sanubari

Buat selama-lamanya.....

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur saya kehadiran Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya dapatlah saya menyiapkan projek tahun akhir ini dengan jayanya. Di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat terutamanya Prof. Madya Dr. Rosnan Yaacob iaitu selaku penyelia saya dalam memantau perjalanan projek ini supaya berjalan dengan lancar tanpa sebarang masalah. Seterusnya tidak lupa juga kepada En. Mohd Azam bin Mat Yaacob dan En. Sainol Aimi bin Saidin yang telah banyak membantu dan memberi tunjuk ajar yang berguna dalam menyempurnakan projek ini.

Yang teristimewa iaitu ahli keluarga tercinta terutamanya kepada ayahanda dan bonda tersayang (Alias bin Abu dan Sabarina bt. Awang Mohd Noor) serta keluarga saya, kerana berkat dorongan dan galakan anda semua telah banyak memberi inspirasi berterusan kepada saya dalam menyiapkan projek ini. Sesungguhnya kejayaan yang saya kecapai pada masa sekarang adalah kejayaan bagi kita sekeluarga.

Akhir sekali setinggi penghargaan juga saya ucapkan kepada semua teman seperjuangan terutamanya kepada Norziana, Pokcek, Nisah, Dilla dan rakan serumah terutamanya Che Norihan dan Maznah yang turut serta membantu saya secara langsung atau tidak langsung serta semua kakitangan KUSTEM yang terlibat bersusah

payah dalam membantu menyiapkan projek ini. Berkat semangat dan dorongan yang tidak pernah pudar untuk berkerjasama antara satu sama lain pasti akan diingati sepanjang hayat. Jasa dan pengorbanan semua hanya Allah S.W.T sahaja yang dapat membalasnya. Wassalam.

ABSTRAK

Kajian terhadap kitaran semulajadi pantai berdasarkan perubahan profil pantai dan taburan saiz sedimen telah dijalankan di pantai Seberang Takir ke pantai KUSTEM, Terengganu. Aktiviti penyampelan ini telah dijalankan pada bulan Julai, September, dan November 2005 serta pada Januari 2006. Tujuan utama kajian adalah untuk menentukan penganalisan kitaran pantai berdasarkan perubahan bentuk profil pantai serta penganalisan mengenai taburan dan ciri-ciri saiz sedimen dalam kawasan kajian semasa sebelum dan selepas musim tengkujuh. Pengaruh parameter fizikal seperti taburan hujan, kelajuan angin dan proses pasang surut turut dikenalpasti memberi kesan terhadap kitaran pantai. Penyampelan sedimen bagi setiap stesen kajian dilakukan di bahagian aras air tertinggi, pertengahan dan aras air pasang terendah. Min saiz butiran secara keseluruhannya didominasi oleh pasir sederhana kasar dan penyisihan pada keseluruhan stesen kajian ialah terdiri daripada jenis bersisihan sangat tidak sempurna. Manakala jenis kepencongan adalah lebih menjurus kepada sangat negatif tetapi pada Monsun Timur Laut ia lebih menjurus kepada kepencongan positif. Manakala kurtosis jenis terlalu leptokurtik telah mendominasi hampir keseluruhan stesen kajian pada Monsun Barat Daya. Ini menunjukkan perbezaan yang sangat ketara pada Monsun Timur Laut apabila ia secara mutlaknya didominasi oleh kurtosis jenis sangat platikurtik. Profil pantai menunjukkan perubahan di mana sebahagian stesen mengalami proses hakisan dan sebahagian lagi mengalami proses

penimbunan pasir di sepanjang Monsun Barat Daya dan Monsun Timur Laut tersebut. Di samping itu, kajian ini juga telah dapat menentukan arah pergerakan endapan di kawasan kajian, di mana ia didapati menuju ke arah utara pesisiran pantai timur Semenanjung Malaysia iaitu dari Kampung Seberang Takir ke KUSTEM (stesen kedua kepada stesen kesembilan). Tetapi terdapat perubahan arah pergerakan endapan (NSD) di mulut muara iaitu stesen satu disebabkan oleh terdapatnya beting pasir yang menyebabkan terbentuknya anak tanjung baru di Kampung Seberang Takir. Secara keseluruhannya, Monsun Timur Laut memainkan peranan penting dalam mempengaruhi perubahan terhadap ciri sedimen dan proses yang berlaku di pesisir pantai.

ABSTRACT

A study of the beach cycle based on the beach profile changes and sediment size distribution was conducted at the Seberang Takir and KUSTEM near shore, Terengganu. Sampling activities were carried out in the months of July, September, and November of 2005 and January of 2006. The aims of the study were to recognize the beach cycle and determined the distribution of sediment sizes in the study area during the pre and post monsoon seasons, and their relationship between physical parameters such as wind, rainfall, tidal process and to determine the net shore drift direction in the study area. For the each station, sediment was sampled from the upper mid tide, mid tide, and lower mid tide areas. The sediment means sizes during the sampling period were dominated by moderately coarse sand and the sorting sediment size was very poorly sorted sediment. Skewness value tends to be very negatively in South West Monsoon but in North East Monsoon seasons it was positively skewed. While the kurtosis showed that extremely leptokurtic dominated the whole station in South West Monsoon but in North East Monsoon seasons it was dominated by very platykurtic. Beach profiles showed that the North West Monsoon and South West Monsoon seasons are important in the variability of the process of erosion and accretion. The net shore drift direction in this study area is show to change its direction to the southern coastal east Peninsular Malaysia that is from Kampung

Seberang Takir to KUSTEM. But, at the Kuala Terengganu's estuary mouth its show vice versa because there are have sand bank that can made-up new geomorphology such as sand spits at Kampung Seberang Takir. In general, a North East Monsoon season plays an important in the variability of beach cycle and sediment characteristics at the Seberang Takir and KUSTEM near shore, Terengganu.